the STEM blended learning approach was effective on the achievement of low achievers at  $t = -28.38$  and also for average achievers at  $t = -12.32$  where this value was significant at the confidence interval of 0.05. This approach was effective for the learning environment of low achievers at  $t = -20.83$  and also for average achievers at  $t = -9.87$  where this value was significant at the confidence interval of 0.05. The results of this study found that the effect of this approach was similar on the achievement for the low and average achievers which was at  $F = 0.90$  and had recorded the same effect on the learning environment of the low and average achievers which was at  $F = 0.76$ . The study also found that this approach had the same effect on the science learning environment constructs namely, personal relevance, uncertainty, critical voice, shared control and pupils' negotiation for low and average achievers which was at  $F = 0.62$ . Research findings showed that the use of STEM blended learning module was able to increase and retain positive achievement amongst pupils in the Force and Motion topic as well as providing positive learning environment for science learning. The effect was more significant on low achievers than average achievers. This research showed that STEM Blended Learning Module is highly recommended because it is proven to be possible for low achievers to perform better in science subject.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan asas kepada pembentukan negara. Pendidikan yang dinamik dan progresif berupaya membentuk negara yang berdaya saing di peringkat global. Oleh kerana pendidikan adalah tunjang utama kemajuan sesebuah negara, maka pendidikan membentuk potensi diri untuk diperkembangkan secara menyeluruh selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dalam konteks pendidikan sains misalnya, aspek intelek amat dititikberatkan. Ini kerana sejak sekian lama pencapaian akademik menjadi ukuran penentu kejayaan.

Pendidikan sains di Malaysia kini mengalami suatu transformasi iaitu dengan menekankan pendidikan *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics* (STEM) bagi menyediakan generasi baru untuk mengharungi cabaran abad dua puluh satu tanpa mengira kebolehan rendah atau pun kebolehan sederhana dalam kalangan murid. Pendidikan STEM termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 perlu melalui tiga gelombang dengan cara memberi pengukuhan kualiti, pengujian dan latihan guru, melakukan kerjasama dengan badan-badan berkaitan dan seterusnya diperluaskan ke arah kecemerlangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Bagi mengharungi cabaran abad dua puluh satu juga, pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran juga melalui peralihan yang mana menggabungkan kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan menerapkan penggunaan teknologi secara dalam talian. Kaedah pendekatan ini dikenali sebagai pembelajaran teradun

yang juga strategi pembelajaran terkini dalam bidang pendidikan. Pendekatan pembelajaran teradun juga dikatakan mampu menjadikan pembelajaran bermakna (Gecer & Dag, 2012) kerana corak pembelajarannya secara berpusatkan murid, menawarkan pembelajaran sendiri dan fleksibel (Garrison & Kanuka, 2004). Proses pembelajaran teradun yang dibimbing oleh guru secara bersemuka dan disokong oleh teknologi (Bersin, 2006) memberikan suatu momentum baharu kepada murid pada zaman kini seiring dengan teknologi digital.

Pendidikan STEM dan pembelajaran teradun menawarkan suatu pendekatan baharu yang bertujuan menyediakan pengalaman pembelajaran bermakna tanpa meminggirkan murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana. Menurut Chew, Noraini, Leong dan Mohd Fadzil (2013), pencapaian sains yang tidak memuaskan dalam penilaian antarabangsa seperti *Program for International Student Assessment (PISA)* dan *The International Mathematics and Science Study (TIMSS)* menjadi cabaran buat negara. Pencapaian murid yang rendah seringkali ditunjukkan dengan tahap pemahaman yang rendah dalam konsep Sains (Han, Capraro, & Capraro, 2014) sekali gus membuktikan murid berkebolehan rendah tidak mampu mengekalkan pengetahuan dengan lebih lama (Vanauker-Ergle, 2003). Murid lemah dalam menghuraikan fenomena yang berlaku dalam kehidupan seharian mengikut konsep Sains (Demirci, 2005) terutamanya Daya, Tuas dan Tekanan yang terkandung dalam topik Daya dan Gerakan (Suppapittayaporn, Emarat, & Arayathanitkul, 2010). Masalah yaang wujud dalam kalangan murid menunjukkan perlunya panduan khusus kepada para guru untuk membimbing murid. Oleh itu panduan seperti modul perlu dibina secara berstruktur bagi meningkatkan prestasi dan mengekalkan kandungan pelajaran terhadap murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam tempoh yang lebih lama. Menurut Hassan, Kosnin dan Ashari (2013), modul

pengajaran membantu para guru dalam membentuk strategi pengajaran dengan lebih mudah untuk diadaptasi dalam bilik darjah. Jadi, untuk membolehkan pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan berkesan, persekitaran pembelajaran perlu disesuaikan dengan matlamat dan strategi pengajaran yang memenuhi keperluan guru dan murid melalui suatu modul pembelajaran yang khusus seperti Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun. Seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Sains Kebangsaan, hasrat supaya setiap individu dapat menguasai ilmu sains melalui pemupukan budaya sains serta mempunyai ketrampilan teknologi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016b) memberikan mesej penting mengenai pendidikan Sains.

Justeru, dicadangkan supaya Modul Pendekatan Pembelajaran Teradun dibangunkan dan kajian dilakukan terhadap mengkaji kesan pembelajaran STEM secara teradun terhadap pencapaian topik Daya dan Gerakan dan persekitaran pembelajaran sains dalam kalangan murid Tingkatan Dua dilaksanakan. Peserta dalam kajian ini dikategorikan dalam dua kumpulan iaitu kebolehan rendah dan kebolehan sederhana. Dalam kajian terdahulu, masalah terhadap pencapaian yang rendah adalah membimbangkan pada murid berkebolehan rendah (Folashade & Akinbobola, 2009; Mayled, 2018 ; Schofield, 2010). Kajian menunjukkan bahawa apabila murid berkebolehan sederhana berasa bosan dan kecewa terhadap pembelajaran, minat terhadap belajar sains akan berkurangan dan menyebabkan prestasi menurun (Abu-Hamour, 2013 ; Schofield, 2010). Didapati bahawa murid berkebolehan rendah mempunyai masalah terhadap pengkalan terhadap konsep sains yang dipelajari (Ismirawati, Corebima, Zubaidah, & Syamsuri, 2018 ; Thomas & Franz, 2012) ; Vanauker-Ergle, 2003). Menurut Dzulkifli dan Alias (2012), Rachel, Nnamdi dan Thomas (2016) dan Yaki, Mohd Saat, Sathasivam dan Zulnaidi (2019), murid

berkebolehan rendah menunjukkan pencapaian akademik yang rendah kerana mendapati tidak mudah untuk menguasai dan mengekalkan maklumat yang telah dipelajari.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kebanyakan sarjana pendidikan sains menekankan kepentingan pendidikan STEM yang bersifat *interdisciplinary* (Asghar, Ellington, Rice, Johnson, & Prime, 2012). Pendekatan STEM yang disepadukan secara *interdisciplinary* mendorong murid untuk belajar sains secara semula jadi antaranya menerusi aktiviti penerokaan, inkuiri, projek dan penyelesaian masalah. Beberapa tahun kebelakangan ini terdapat banyak kajian melaksanakan STEM dalam pembelajaran murid seperti pendekatan berasaskan projek (Tolliver, 2016), penyelesaian masalah (Asghar et al., 2012), reka bentuk (English & King, 2015) dan inkuiri (Crippen & Archambault, 2012). Walau bagaimanapun, pendekatan ini perlu memenuhi keperluan pembelajaran abad dua puluh satu yang menekankan penggunaan teknologi digital.

Justeru, menurut Dziuban, Hartman dan Moskal (2004), pembelajaran teradun dilihat sebagai pedagogi yang menggabungkan keberkesanan pengajaran dan peluang bersosial di dalam bilik darjah dengan mengambil kira peluang menggunakan persekitaran teknologi secara dalam talian. Bagi mengadaptasi penggunaan teknologi, pembelajaran STEM dapat dilaksanakan menerusi pembelajaran teradun. Menurut Huang dan Zhou (2006), pembelajaran teradun mengubah strategi belajar yang biasa digunakan secara konvensional iaitu bilik darjah berasaskan syarahan. Keberkesanannya telah banyak diteroka menerusi kajian-kajian ilmiah (Huang & Zhou, 2006; Mader, Anderl, & Stockinger, 2008; Diaz & Entonado, 2009; Eryilmaz, 2015; Husamah, 2015). Walau pun begitu, ianya masih tidak mencukupi.



Pelaksanaan pembelajaran STEM adalah sepadan dengan pembelajaran teradun untuk membentuk pembelajaran bermakna dalam konteks yang autentik. Bagi memenuhi keperluan pembelajaran masa kini, pembelajaran STEM dan pembelajaran teradun menawarkan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid (Herreid & Schiller, 2013; Gross, Pietri, Anderson, Moyano-Camihort & Graham, 2015; Sergis, Vlachopoulos, Sampson, & Pelliccione, 2017; Welch, 2011), menggunakan teknologi digital dan berada dalam suasana persekitaran pembelajaran sains. Pembelajaran STEM secara teradun bukan sehaja menggabungkan empat bidang STEM, tetapi meliputi pendekatan pengajaran yang sesuai dengan perspektif konstruktivisme sosial. Justeru, jika panduan seperti Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun wujud, pengajaran STEM secara teradun memudahkan guru untuk melaksanakan proses pembelajaran seperti yang dihasratkan.

Keperluan pelaksanaan pendekatan STEM secara teradun adalah berdasarkan pencapaian sains dalam pentaksiran PISA dan TIMSS. Penilaian Sains dalam TIMSS tahun 2019 sebagai contoh menunjukkan skor purata sebanyak 460 iaitu masih berada di bawah purata skala TIMSS (Mullis et al., 2020). Manakala prestasi PISA tahun 2009 turut mengecewakan apabila sebanyak 43% murid berada pada skala bawah tahap minimum berbanding 18% bagi purata OECD (OECD, 2010). Malahan, bilangan murid yang memilih bidang STEM menunjukkan penurunan (Chew et al., 2013). Ini dibuktikan oleh “Jumlah Pelajar Mengambil STEM Kian Merosot,” (2019) apabila hanya 44% murid mengambil bidang STEM bagi tahun 2018 berbanding 49% pada tahun 2012. Memandangkan pendidikan STEM adalah asas kepada kemajuan negara, pembangunan negara perlu menerapkan pengajaran STEM di peringkat sekolah. Oleh itu, suatu usaha meningkatkan kualiti pendidikan adalah melalui PPPM 2013-2025

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) dapat memberi manfaat terutamanya dalam bidang STEM.

Menurut Basso (2009), terdapat banyak isu yang terlibat dalam topik Daya dan Gerakan seperti salah konsep, pengaplikasian yang lemah (Meor Ibrahim & Hatimah Naim, 2010), persepsi negatif murid terhadap topik Daya dan Gerakan (Bozdogan & Uzoglu, 2015) dan penggunaan teknik hafalan terhadap penyelesaian masalah menggunakan rumus matematik (Siti Nursaila & Faridah, 2015) dalam kalangan murid. Perkara ini secara langsung dipengaruhi oleh aktiviti pembelajaran yang pasif seperti syarahan dan penerangan guru. Faktor ini boleh menyumbang kepada perbezaan jurang pencapaian antara murid kebolehan rendah, kebolehan sederhana dan kebolehan tinggi. Hal ini memberikan gambaran bahawa topik Daya dan Gerakan memerlukan pendekatan lain dalam menangani masalah yang dihadapi oleh murid. Justeru, topik Daya dan Gerakan telah dipilih sebagai topik pembelajaran.

Persekitaran pembelajaran yang aktif dapat diukur melalui pengalaman pembelajaran yang dialami. Pembelajaran aktif meliputi pengajaran yang melibatkan murid dalam melakukan sesuatu serta berfikir mengenai perkara yang dilakukan (Bonwell & Eison, 1991). Kebiasaannya, aktiviti perlulah mencabar dan tidak hanya melakukan aktiviti membaca, perbincangan dan menulis yang pada kebiasaannya atau pun guru memindahkan maklumat kepada murid secara terus. Sehubungan dengan itu, persekitaran pembelajaran aktif menggalakkan murid untuk meneroka sendiri pembelajaran.

Melalui pembelajaran STEM secara teradun, murid melibatkan diri secara aktif bagi menyelesaikan tugas sains dalam konteks dunia sebenar (Mohd Mokhzani, Mohammad Yusof, & Mohd Shafie, 2015; Nix, Fraser, & Ledbetter, 2005) dan pemahaman terbina sendiri melalui pengalaman serta melalui interaksi dengan

individu di sekitarnya (Driver, 1989). Justeru, dengan menghubungkan teori, konsep dan falsafah kepada kepada pengalaman sebenar, pengekal pengetahuan berlaku lebih lama.

Sebagai salah satu model pembelajaran teradun, pelaksanaan *flipped classroom* semakin mendapat perhatian untuk diterokai (Hinkhouse, 2013; Arnold-Garza, 2014; Butt, 2014; Estes, Ingram, & Liu 2014 ; Karanicolas et al., 2016; Aidinopoulou & Sampson, 2017). *Flipped classroom* mengubah strategi belajar secara syarahan di dalam kelas kepada dalam talian di rumah dengan memanfaatkan teknologi. Manakala waktu di bilik darjah dimanfaatkan dengan aktiviti menyelesaikan masalah, mengembangkan konsep secara kolaboratif terutamanya dalam topik Daya dan Gerakan. Seperti yang terdapat pada topik Daya dan Gerakan, terdapat pelbagai konsep, teori dan aplikasi mengenai tindak balas daya, kesan daya, konsep ketumpatan dan keapungan, sistem tuas, momen daya, tekanan, tekanan gas, tekanan atmosfera dan kesan kedalaman terhadap cecair. Oleh itu, amat sesuai jika murid mengikuti topik Daya dan Gerakan menerusi *flipped classroom*. Walaupun begitu, pengekal merupakan penentu kepada keberkesanan suatu pembelajaran yang dilalui oleh murid (Ismirawati et al., 2018). Menurut Driscoll (2000), pengekal pengetahuan merupakan pengetahuan yang disimpan oleh murid dan boleh diperolehi semula pada sebarang masa. Pengekal juga mewakili pengetahuan yang dipelajari sama ada mampu untuk diserap dengan baik (Chakuchichi, 2011).

Peserta dalam kajian ini terdiri daripada murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana. Ini adalah kerana penyelidik mendapati masalah terhadap pencapaian yang rendah adalah membimbangkan dalam kalangan murid berkebolehan rendah (Cheng, Lam, & Chan, 2008 ; Folashade & Akinbobola, 2009 ; Schofield, 2010). Dapatan kajian-kajian terdahulu turut mendapati bahawa apabila murid

berkebolehan sederhana bosan dan kecewa terhadap pembelajaran sains di dalam bilik darjah, minat terhadap sains juga berkurang justeru mendorong murid untuk mencapai keputusan yang merosot (Dunlosky, Rawson, Marsh, Nathan, & Willingham, 2013 ; Hamdani & Oktavianty, 2017 ; Tieso, 2003 ; Yaki, Mat Saad, Sathavisam, & Zulnaidi, 2019). Murid berkebolehan rendah sukar untuk mengekalkan pengetahuan sains, justeru didapati pengekatan terhadap pembelajaran kandungan sains yang dipelajari menjadi bermasalah (Kalaiselvi, 2016 ; Thomas & Franz, 2012 ; Vanauker-Ergle, 2003).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Menurut Cheng, Lam dan Chan (2008), Folashade dan Akinbobola (2009) serta Schofield (2010), pencapaian subjek sains adalah membimbangkan dalam kalangan murid berkebolehan rendah. Al-Zoubi dan Bani Younes (2015) melaporkan bahawa terdapat kelemahan dalam pencapaian akademik murid yang berpunca daripada persekitaran pembelajaran yang kurang berkesan dan membawa kepada kurangnya penerimaan murid untuk belajar. Tambahan pula, persekitaran pembelajaran yang kurang berkesan seperti tiada teknik pengajaran dan aktiviti yang menarik membawa kepada motivasi belajar yang rendah (Al-Zoubi & Bani Younes, 2015).

Umumnya, pendekatan pembelajaran sains yang konvensional biasa dilaksanakan dalam bilik darjah sains. Melalui pendekatan konvensional yang dilaksanakan, Lay dan Chandrasegaran (2016) melaporkan bahawa murid Tingkatan Dua di Malaysia menunjukkan sikap tidak yakin terhadap sains dan ini jelas menjejaskan prestasi pembelajaran dalam subjek Sains. Perkara ini memberikan kesan terhadap topik Daya dan Gerakan. Menurut Meor Ibrahim dan Hatimah Naim (2010), murid menunjukkan pencapaian yang tidak memuaskan dalam topik Daya dan sains dianggap suatu subjek yang abstrak lalu susah untuk difahami (Basso, 2009; Bozdogan

& Uzoglu, 2015). Penguasaan yang lemah seperti tidak boleh membezakan terminologi dan konsep seperti daya, jisim, berat, geseran (Yeo & Zadnik, 2000; Turker, 2005) serta daya tindakan dan daya tindak balas (Hestenes, Wells, & Swackhamer, 1992) amat membimbangkan. Aktiviti pembelajaran seperti penggunaan teknik hafalan (Siti Nursaila & Faridah, 2015a) dalam menghafal teks atau pun rumus matematik adalah suatu teknik mengingat dan tidak mempamerkan penguasaan yang tinggi dalam memahami sesuatu konsep. Tambahan pula, ini amat membebankan jika isi kandungan yang terlalu banyak (Siti Nursaila & Faridah Ibrahim, 2015b). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pembelajaran murid Tingkatan Dua dalam topik Daya dan Gerakan perlu diberi perhatian.

Secara psikologinya, persekitaran pembelajaran yang terkongkong mengakibatkan murid tidak bebas berinteraksi sedangkan persekitaran pembelajaran perlu menggalakkan idea pembelajaran yang fleksibel dan juga bermakna, autentik, bertujuan, kompleks dan koperatif (Wilson, 1996). Menurut Olusegun (2015), pendedahan persekitaran pembelajaran terus kepada murid membolehkan murid mengalaminya justeru dapat memberikan makna terhadap perkara yang dipelajari. Ini kerana persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang besar terhadap prestasi pembelajaran dalam memupuk minat belajar, mengekalkan tumpuan (Che Ahmad, Osman, & Halim, 2014) dan juga membina pengetahuan yang bermaklumat terutamanya dalam pembelajaran sains. Justeru, persekitaran pembelajaran adalah penting (Haworth, Kovas, Dale, & Plomin, 2008) kerana pembelajaran murid ditentukan oleh kualiti persekitaran pembelajaran (den Brok, Fisher, Rickards, & Bull, 2005 ; Bucholz & Sheffler, 2009; Olusegun, 2015).

Menurut Rachel, Nnamdi, dan Thomas, (2016), persekitaran pembelajaran merupakan faktor penyumbang kepada pencapaian yang rendah oleh murid

berkebolehan rendah dan begitu juga kepada murid berkebolehan sederhana. Tambahan pula, faktor-faktor seperti pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan bersama dan perundingan murid memberikan kesan langsung kepada murid dalam proses pembelajaran. Walau pun pendekatan konvensional memberi penekanan terhadap pengalaman luar bilik darjah, namun pengalaman sedia ada murid tidak dapat dibawa masuk ke dalam bilik darjah secara berkesan. Malah, ketidakpastian murid dalam sesuatu perkara kemungkinan tidak dapat diselesaikan di dalam bilik darjah. Didapati juga murid sukar mengeluarkan pendapat, tidak mendapat kawalan semasa proses pdp serta tiada interaksi dan rundingan antara murid yang berlaku.

Perkara ini mungkin berlaku kerana kaedah *spoon feeding* (Masrura, 2015), persekitaran pembelajaran yang pasif, proses pembelajaran yang berlaku satu hala (Angell, Heffernan, & Megicks, 2008), tidak konstruktivis (Bas, 2013) dan tidak menggunakan teknologi maklumat. Seharusnya, pendekatan pembelajaran perlulah melalui pelbagai aktiviti yang dapat membina pemahaman seperti perbincangan (Brookfield & Preskill, 2005), menggunakan kecerdasan kinestetik seperti membuat projek (Muniandy, 2000), mereka bentuk produk (Apedoe & Schunn, 2012), demonstrasi (C. S. Neo & Yap, 2009), penyelesaian masalah (Yasin, Halim, & Ishar, 2017) atau pun menggunakan sokongan teknologi (Johnson, Smith, Levine, & Haywood, 2010). Pendekatan yang lesu dan membosankan seperti syarahan dan penerangan mendorong kepada pencapaian yang rendah. Jadi, amat perlu agar persekitaran pembelajaran dikekalkan supaya proses pembelajaran berlaku dengan berkesan.

Persekitaran pembelajaran kini memerlukan sokongan teknologi komunikasi (Johnson, Smith, Levine, & Haywood, 2010). Corak pembelajaran persekitaran yang

baharu dan moden menekankan penggunaan teknologi yang diintegrasikan dalam elemen STEM. Pembelajaran dalam talian dan penggunaan aplikasi perisian sangat penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran konsep sains yang secara hakikatnya diajar secara terasing dengan teknologi dan kejuruteraan (Hoachlander & Yanofsky, 2011). Proses pembelajaran perlulah lebih realistik dan autentik kerana pembelajaran berasaskan STEM lebih berfokus kepada masalah harian sebenar. Malah, gabungan pembelajaran secara bersemuka dan pembelajaran dalam talian perlu ditawarkan supaya menepati kehendak murid. Justeru pembelajaran STEM secara teradun dapat membentuk pembelajaran aktif dan tidak bertumpu kepada pembelajaran berpusatkan guru.

Murid-murid yang mempunyai kebolehan sederhana berpotensi untuk berasa bosan jika pengajaran sains yang abstrak disampaikan dalam bentuk satu hala (Nunez, 2018), justeru menjadikan pembelajaran tidak bermakna. Apatah lagi murid yang mempunyai kebolehan rendah yang memerlukan pendekatan yang lebih berkesan. Jika murid tidak berasa seronok terhadap pembelajaran sains yang dipelajari, murid cenderung untuk hilang minat (Marulcu & Barnett, 2010). Kurang minat terhadap subjek sains boleh menjadikan murid untuk lebih sukar untuk belajar konsep Daya dan Gerakan (Axell, Hallstrom, & Hagberg, 2013).

Ismirawati et al., (2018) menyatakan bahawa pengekaln merupakan masalah yang sering berlaku dalam kalangan murid. Menurut Sukmawati, Ramadani, Fauzi dan Corebima (2015), pengekaln adalah aspek utama dalam menguasai sesuatu konsep sains dan berkait rapat dengan elemen pemikiran kritikal, menghubungkan kait, mengingat dan menggunakan pengetahuan yang diperolehi. Oleh sebab pengekaln merupakan penentu kepada keberkesanan suatu pembelajaran, maka pengekaln

terhadap pencapaian murid dan persekitaran pembelajaran sains secara teradun perlulah dipastikan.

Pada masa kini KPM menuntut supaya pembelajaran abad dua puluh satu dilaksanakan. Namun, belum ada panduan pengajaran yang jelas dan khusus dikeluarkan bagi memenuhi pembelajaran abad dua puluh satu dalam memberi fokus dalam pendidikan sains di sekolah. Menurut PPPM 2013-2025, pendidikan STEM secara teradun dianggap selari dengan tuntutan KPM. Pendidikan STEM secara teradun dapat memenuhi ciri-ciri pembelajaran abad kedua puluh satu, disamping penerapan pembelajaran konstruktivis dan penggunaan teknologi maklumat kerana objektifnya adalah supaya murid menguasai kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi serta kemahiran hidup dan kerjaya.

Istilah modul digunakan merujuk kepada set pembelajaran yang berkaitan dengan pedagogi pendidikan yang memberi fokus terhadap penyampaian konsep sesuatu subjek (Dark & Perrett, 2007). Modul pengajaran perlu dibina kerana guru memerlukan rujukan sebagai pilihan strategi pengajaran yang baharu untuk menggalakkan murid berinteraksi dan berkolaboratif serta mendapatkan akses pembelajaran di luar bilik darjah. Menerusi pembelajaran teradun, pembelajaran sendiri perlu didedahkan kepada murid berkebolehan rendah dan berkebolehan sederhana oleh guru bagi meningkatkan pengupayaan murid untuk melatih dalam persekitaran pembelajaran yang berkesan. Guru juga memerlukan bahan tambahan dan rujukan khas untuk meningkatkan pencapaian topik Daya dan Gerakan dan persekitaran pembelajaran sains dalam kalangan murid berkebolehan rendah dan berkebolehan sederhana. Justeru apabila pembelajaran berkesan berlaku, murid dapat meningkatkan pembelajaran sendiri, pencapaian dan persekitaran pembelajaran turut meningkat dan pengekalannya turut berlaku.



Berdasarkan dapatan analisis keperluan pada Bab 4, didapati terdapat keperluan membina modul pengajaran. Di Malaysia, terdapat keperluan membina modul pembelajaran teradun kerana sehingga hari ini, hanya terdapat satu sahaja modul pembelajaran teradun sedia ada yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik (2014). Modul yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik (2014) hanya memberi fokus terhadap konteks pengajian tinggi justeru modul ini hanya sesuai untuk digunakan oleh para pensyarah pengajian tinggi. Oleh itu, perlunya panduan lengkap modul pembelajaran teradun yang memberi fokus terhadap konteks sekolah supaya guru dapat mengaplikasikan pembelajaran teradun di dalam bilik darjah. Bagi menangani masalah pencapaian dan persekitaran pembelajaran sains, maka Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun dibina. Oleh yang demikian, melalui pembinaan Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun, aktiviti pembelajaran dapat dirancang dengan lebih sistematik bagi meningkatkan pencapaian sains dan persekitaran pembelajaran sains. Berdasarkan kajian, pendekatan STEM secara teradun mempunyai potensi untuk mengatasi masalah pembelajaran murid dalam topik Daya dan Gerakan serta persekitaran pembelajaran sains bagi murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana. Ini adalah kerana pendekatan STEM secara teradun menggabungkan pembelajaran secara bersemuka dan secara dalam talian dengan melaksanakan aktiviti *hands on* yang mana boleh meningkatkan minat murid, penglibatan aktif murid serta aktiviti STEM yang sinonim dengan aktiviti harian (Asghar et al., 2012 ; Ostroff, 2014 ; Patel, 2017 ; Urban & Falvo, 2016).

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji kesan pendekatan pembelajaran STEM secara teradun terhadap pencapaian sains bagi topik Daya dan

Gerakan dan persekitaran pembelajaran sains dalam kalangan murid tingkatan dua yang terdiri daripada kebolehan rendah dan kebolehan sederhana.

### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan mengikut objektif-objektif berikut:

1. Membina Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun dengan tujuan meningkatkan pencapaian topik Daya dan Gerakan dan persekitaran pembelajaran sains dalam kalangan murid Tingkatan Dua.
2. Mengkaji kesan Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun terhadap pencapaian bagi topik Daya dan Gerakan antara murid yang berkebolehan rendah dan berkebolehan sederhana.
3. Mengkaji kesan Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun terhadap pengkalan pencapaian bagi topik Daya dan Gerakan antara murid yang berkebolehan rendah dan berkebolehan sederhana.
4. Mengkaji kesan Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun terhadap persekitaran pembelajaran sains antara murid yang berkebolehan rendah dan berkebolehan sederhana merangkumi konstruk
  - i pengalaman peribadi
  - ii ketidakpastian
  - iii suara kritis
  - iv kawalan sepunya
  - v perundingan murid
5. Mengkaji kesan Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun terhadap pengkalan persekitaran pembelajaran sains antara murid yang berkebolehan rendah dan berkebolehan sederhana merangkumi konstruk
  - i pengalaman peribadi

- ii ketidakpastian
- iii suara kritis
- iv kawalan sepunya
- v perundingan murid

## **1.6 Soalan Kajian**

Bagi mencapai objektif-objektif kajian yang terdapat pada 1.5, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- 1 Bagaimana Modul Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun dapat dibina dengan tujuan untuk meningkatkan pencapaian Daya dan Gerakan dan persekitaran pembelajaran sains dalam kalangan murid Tingkatan Dua?
- 2(a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pra dan ujian pasca bagi Ujian Daya dan Gerakan terhadap murid berkebolehan rendah yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 2(b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pra dan ujian pasca bagi Ujian Daya Dan Gerakan terhadap murid berkebolehan sederhana yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 2(c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam Ujian Daya dan Gerakan yang mengikut pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal?
- 3(a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Ujian Daya dan Gerakan terhadap murid berkebolehan rendah yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?

- 3(b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Ujian Daya dan Gerakan terhadap murid berkebolehan sederhana yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 3(c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca lanjutan antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana bagi Ujian Daya dan Gerakan yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal?
- 4(a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pra dan ujian pasca Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains bagi murid berkebolehan rendah setelah mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 4(b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pra dan ujian pasca bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains bagi murid berkebolehan sederhana setelah mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 4(c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam ujian pasca bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal?
- 5(a) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains terhadap murid berkebolehan rendah yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 5(b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains terhadap murid berkebolehan sederhana yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 5(c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam ujian pasca lanjutan bagi Soal

Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal?

- 6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada kombinasi linear skor ujian pasca bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam konstruk pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan sepunya dan perundingan murid yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal?
- 7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada kombinasi linear skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam konstruk pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan sepunya dan perundingan murid yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun?
- 8 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada kombinasi linear skor ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam konstruk pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan sepunya dan perundingan murid yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal?

### **1.7 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian yang dinyatakan memberi hala tuju untuk melaksanakan kajian ini. Bagi menjawab soalan-soalan kajian terhadap kesan Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun terhadap pencapaian dalam Ujian Daya dan Gerakan dan persekitaran

pembelajaran sains dalam kalangan murid Tingkatan Dua, berikut merupakan hipotesis nol yang diuji pada tahap keertian 0.05 dalam kajian ini.

Berdasarkan soalan-soalan kajian di atas, berikut merupakan hipotesis nol yang dibentuk. Hipotesis nol pertama, kedua dan ketiga menjawab persoalan kajian 2(a), 2(b) dan 2(c).

H<sub>01</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pra dan ujian pasca pencapaian Ujian Daya dan Gerakan terhadap Murid berkebolehan rendah yang mengikuti Pembelajaran STEM Secara Teradun.

H<sub>02</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pra dan ujian pasca pencapaian Ujian Daya dan Gerakan terhadap murid berkebolehan sederhana yang mengikuti Pembelajaran STEM Secara Teradun.

H<sub>03</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam Ujian Daya dan Gerakan yang mengikut Pembelajaran STEM Secara Teradun setelah ujian pra dikawal.

Hipotesis nol keempat, Hipotesis nol kelima dan Hipotesis nol keenam menjawab persoalan kajian 3(a), 3(b) dan 3(c).

H<sub>04</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Ujian Pencapaian Daya dan Gerakan terhadap murid berkebolehan rendah yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun.

H<sub>05</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca dan pasca lanjutan bagi Ujian Daya dan Gerakan terhadap murid berkebolehan sederhana yang mengikuti pembelajaran STEM secara teradun.

H<sub>06</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pasca lanjutan antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam Ujian Daya dan Gerakan yang mengikuti Pembelajaran STEM Secara Teradun setelah ujian pra dikawal.

Hipotesis nol ketujuh, kelapan dan kesembilan menjawab persoalan kajian 4(a), 4(b) dan 4(c).

H<sub>07</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pra dan ujian pasca bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains bagi murid berkebolehan rendah setelah mengikuti pembelajaran STEM Secara Teradun.

H<sub>08</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pra dan ujian pasca bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains bagi murid berkebolehan sederhana setelah mengikuti Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun.

H<sub>09</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam ujian pasca bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains yang mengikuti Pendekatan Pembelajaran STEM Secara Teradun setelah ujian pra dikawal.

Hipotesis kesepuluh, sebelas dan dua belas menjawab persoalan kajian 5(a), 5(b) dan 5(c).

H<sub>010</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Persekitaran Pembelajaran Sains terhadap murid berkebolehan rendah yang mengikuti Pembelajaran STEM secara teradun.

H<sub>o11</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains terhadap murid berkebolehan sederhana yang mengikuti Pembelajaran STEM secara teradun.

H<sub>o12</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains yang mengikuti Pembelajaran STEM Secara Teradun setelah ujian pra dikawal.

Hipotesis nol ke 13, hipotesis nol ke 14 dan hipotesis nol ke 15 menjawab persoalan kajian 6,7 dan 8.

H<sub>o13</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kombinasi linear skor ujian pasca bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam konstruk pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan sepunya dan perundingan murid yang mengikuti Pendekatan Pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal.

H<sub>o14</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kombinasi linear skor ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam konstruk pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan sepunya dan perundingan murid yang mengikuti Pendekatan Pembelajaran STEM secara teradun.

H<sub>o15</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kombinasi linear skor ujian pasca lanjutan bagi Soal Selidik Persekitaran Pembelajaran Sains antara murid berkebolehan rendah dan murid berkebolehan sederhana dalam konstruk pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan sepunya dan



perundingan murid yang mengikuti Pendekatan Pembelajaran STEM secara teradun setelah ujian pra dikawal.

## **1.8 Signifikan Kajian**

Kajian mengenai STEM dalam mata pelajaran sains atau mana-mana mata pelajaran lain telah banyak dijalankan sebelum ini seperti yang telah dijalankan oleh Stohlmann, Moore, McClelland dan Roehrig (2011), Stohlmann, Moore dan Roehrig (2012), Wang (2012), Christensen, Knezek dan Tyler-Wood (2014), Reamer, Ivy, Vila-Parrish dan Young (2015), Urban dan Falvo (2016), serta Asunda dan Mativo (2016). Malah, terdapat banyak juga kajian STEM yang menggunakan beberapa pendekatan iaitu berasaskan projek (Kennedy & Odell, 2014 ; Kertil & Gurel, 2016 ; Laboy-Rush, 2011 ; Siew, Amir, & Chong, 2015), pembelajaran berasaskan masalah (Asghar, Ellington, & Rice, 2012), projek berorientasikan pembelajaran berasaskan masalah (Wan Nor Fadzilah et al., 2016), pembelajaran berasaskan reka bentuk (Billiark, Hubelbank, Oliva, & Camesano, 2014 ; Carroll, 2015 ; Basham & Marino, 2013), integrasi STEM dengan robotik (Ortiz, Bos, & Smith, 2015; Ntemngwa & Oliver, 2018) dan pembelajaran berasaskan inkuiri (Williams, 2011; Crippen & Archambault, 2012). Namun setakat ini tiada lagi kajian mengenai STEM yang mengadaptasi pembelajaran teradun sekali gus menjadikan kajian ini berbeza dengan kajian-kajian lain. Oleh kerana kajian ini merupakan yang terkini dan terbaharu dan selari dengan keperluan pembelajaran abad dua puluh satu yang menggunakan elemen teknologi, pembelajaran secara dalam talian dan secara bersemuka adalah penting untuk mengembangkan lagi penerokaan bidang STEM terutamanya dalam menguasai sains.

Seterusnya, kepentingan kajian ini adalah bertumpu kepada kumpulan murid yang berkebolehan rendah dan berkebolehan sederhana. Kajian terdahulu seperti Rachel et al. (2016) dan Andersen dan Ward, (2014) lebih menumpukan kumpulan murid yang berkebolehan tinggi mahu pun kebolehan rendah. Sedangkan murid yang memiliki kebolehan sederhana juga tidak boleh diabaikan. Ini kerana pengabaian terhadap murid membolehkan individu tersebut cenderung untuk menjadi kurang berdaya saing dan berpotensi untuk menunjukkan prestasi yang kurang daripada sebelumnya. Tambahan pula, pendidikan di Malaysia turut menekankan kesamarataan pendidikan dalam kalangan murid.

Kepentingan kajian turut bertumpu kepada para guru sedia ada untuk mendapatkan latihan dan pendedahan terhadap pendidikan STEM khususnya melalui pembelajaran teradun. Bahan pembelajaran yang telah dibina boleh dijadikan panduan dan sumber rujukan kepada pihak Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau pengurusan sekolah terhadap pelaksanaan latihan pembelajaran STEM secara teradun kepada para guru. *International Technology and Engineering Education Association*, ITEAA (2009) berpendapat bahawa melalui pendidikan STEM dalam bilik darjah, murid dapat menerapkan keyakinan diri dalam aktiviti berasaskan kumpulan dan kerja individu, berasa lebih seronok (Kelley & Knowles, 2016) dan yakin mengaplikasikan sains dan matematik apabila menggunakan teknologi, inovasi, reka bentuk dan kejuruteraan yang lebih bermakna terutamanya melalui pembelajaran teradun.

Kajian ini signifikan kerana dapatannya memberi maklum balas mengenai kesan pembelajaran STEM secara teradun terhadap pencapaian bagi topik Daya dan Gerakan dalam kalangan murid yang berbeza kebolehan iaitu kebolehan rendah dan kebolehan sederhana. Pemilihan topik Daya dan Gerakan penting dalam memberikan

pendekatan yang alternatif seperti dalam membezakan beberapa terminologi seperti daya, jisim, berat dan geseran (Turker, 2005), tidak dapat membezakan daya tindakan dan daya tindak balas (Hestenes et al., 1992). Justeru, dapatan kajian ini juga boleh memberi petunjuk tentang kesan pembelajaran STEM secara teradun terhadap persekitaran pembelajaran sains terhadap murid berkebolehan rendah dengan berkebolehan sederhana dalam kalangan murid Tingkatan Dua.

Oleh yang demikian, kajian ini berpeluang untuk membantu guru mengisi jurang dalam meningkatkan prestasi pencapaian akademik murid khususnya dalam mata pelajaran Sains. Khususnya terhadap murid yang berkebolehan rendah, pembelajaran STEM secara teradun yang diadaptasi dalam bilik darjah berupaya meningkatkan pencapaian dan juga memberikan persekitaran pembelajaran sains yang berkesan. Sehubungan dengan itu, jika pencapaian meningkat, pendekatan ini juga berpotensi mengekalkan prestasi pencapaian akademik. Begitu juga dengan persekitaran pembelajaran sains. Jika konstruk pengalaman peribadi, ketidakpastian, suara kritis, kawalan bersama dan perundingan murid dalam persekitaran pembelajaran sains meningkat selepas mengikuti pembelajaran STEM secara teradun, kelima-lima konstruk dalam persekitaran pembelajaran juga berpotensi untuk dikekalkan. Justeru, kajian ini membantu untuk mengintegrasikan kurikulum pengajaran Daya dan Gerakan menggunakan pembelajaran STEM secara teradun.

Berbeza dengan pembelajaran konvensional, kajian ini juga berpotensi menyediakan pembelajaran yang aktif menerusi *flipped classroom* (Estes et al., 2014; Karanicolas et al., 2016 ; Bergmann & Sams, 2012) yang mana aktiviti berpusatkan murid berlaku secara bersemuka di bilik darjah dan juga berlaku secara dalam talian. Menurut Lynch (2017), murid yang terlibat dalam pembelajaran aktif membina pengetahuan melalui proses kerja mental yang mampu memindahkan maklumat,

memberi pemahaman dan penguasaan yang lebih lama. Semasa di rumah, murid-murid menggunakan teknologi secara dalam talian bagi mendapatkan maklumat-maklumat pembelajaran secara interaktif menerusi video, laman sesawang dan blog. Pembelajaran aktif berlaku semasa proses perbincangan yang terdapat pada papan perbincangan dalam talian yang juga menyebabkan pembelajaran yang berlaku di rumah tidak lesu dan membosankan. Namun begitu, murid-murid perlu membuat persediaan awal melalui platform dalam talian sebelum menjalankan aktiviti di bilik darjah. Di bilik darjah pula, murid-murid memindahkan pengetahuan yang telah diperolehi menerusi kerja berkumpulan (November & Mull, 2012) dalam aktiviti *hands on* dan melaksanakan projek (artifak).

STEM sering diadaptasi dalam pdp di bilik darjah menerusi pendekatan berasaskan projek (Short, 2011), pendekatan berasaskan masalah (Kolodner et al., 2003), pendekatan berasaskan reka bentuk (Mehalik, Doppelt, & Schunn, 2008) yang menggunakan teknologi sebagai alat untuk mendapatkan maklumat sedangkan teknologi boleh dimanfaatkan dengan lebih baik. Justeru, dalam mengadaptasi STEM di dalam bilik darjah, disamping penggunaan teknologi sebagai alat untuk mendapatkan maklumat secara dalam talian, teknologi juga boleh dijadikan sebagai bahan projek. Dalam membina projek seperti projek Scratch, murid boleh menghasilkan projek mengikut kepelbagaian dan lebih bersifat peribadi.

Kekangan masa menjadi suatu cabaran apabila melaksanakan pembelajaran berpusatkan murid. Ini kerana murid memerlukan masa untuk meneroka bahan pembelajaran. Namun, dengan melaksanakan pembelajaran teradun, masa dapat dimanfaatkan secara optimum apabila proses pengukuhan topik dapat dilakukan di bilik darjah dengan bantuan dan maklum balas rakan serta guru secara spontan. Berbeza dengan pembelajaran konvensional, murid menyelesaikan soalan latihan di

rumah secara bersendirian dan sumber tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan berkesan.

## **1.9 Skop dan Batasan Kajian**

Secara umumnya, skop kajian ini terhad kepada kajian dalam mengkaji kesan pembelajaran STEM secara teradun terhadap pencapaian topik Daya dan Gerakan dan persekitaran pembelajaran sains dalam kalangan murid Tingkatan Dua. Batasan kajian pula dibahagikan kepada limitasi dan delimitasi. Limitasi merupakan aspek yang tidak dapat dikawal semasa kajian dilaksanakan manakala delimitasi merupakan batasan kajian yang ditetapkan dalam kajian ini.

Limitasi kajian adalah terbatas kesediaan responden untuk menjawab item ujian dan soalan selidik dengan tepat dan jujur.

Delimitasi dalam kajian ini merupakan populasi kajian yang terbatas kepada murid-murid sekolah menengah yang terdapat di dalam daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Justeru, dapatan kajian terhad dalam lingkungan sekolah menengah di daerah kajian dan tidak dapat digeneralisasikan kepada sekolah yang berada di daerah yang lain.

Dalam kajian ini juga, intervensi yang dilaksanakan memberi fokus kepada mata pelajaran sains dalam topik Daya dan Gerakan. Isi kandungan topik Daya dan Gerakan adalah terkini seperti yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Topik Daya dan Gerakan terkandung dalam tema tenaga dan kelestarian hidup memberikan kefahaman mengenai penggunaannya dalam kehidupan harian.

Delimitasi kajian ini turut terbatas kepada sampel yang terdiri daripada murid-murid Tingkatan Dua sahaja. Pemilihan sampel yang terdiri daripada murid Tingkatan